

i.

FESYEN, MUTU, PASARAN DAN PENGARUH  
PAKAIAN IMPORT ( THAILAND ) DI  
NEGERI KELANTAN DARUL NAIM.

MOHD      BADRUL      BIN      CHE      NGAH  
              87185700

DIPLOMA      SENIREKA      FESYEN.  
KATIAN      SENILUKIS      DAN      SENIREKA.  
INSTITUT      TEKNOLOGI      MARA.

1 9 9 1

<u>B A B.</u>	<u>MUKA SURAT</u>
- Halaman Judul.	i
- Halaman Pemeriksa.	ii
- Kandungan.	iii
- Sekapur Sireh.	iv
- Penghargaan.	v - vi
- Senarai Gambarajah.	vii
- Sinopsis.	viii - x
- Senarai Sisipan.	xi
- Pengenalan.	xii
 Bab. 1 - Hubungan Kelantan Dengan Thailand.	i - 9
Bab. 2 - Perusahaan Pakaian Di Thailand.	10 - 27
Bab. 3 - Jenis - Jenis Pakaian.	28 - 39
Bab. 4 - Pengguna.	40 - 53
Bab. 5 - Fesyen.	54 - 72
Bab. 6 - Mutu.	73 - 88
Bab. 7 - Pasaran.	89 - 99
Bab. 8 - Pengaruh.	100 - 101
- Kesimpulan.	102 - 103
- Bibliography.	104

Sekapur Sireh.

Pakaian merupakan satu keperluan asas dalam kehidupan manusia. Pakaian yang dapat melindungi anggota badan berfungsi untuk menutup bahagian-bahagian tertentu pada peringkat awal kewujudtanya. Pakaian yang mempunyai latarbelakang sejarahnya sendiri.

Saya merasa amat berbangga kerana dapat mempelajari selok belok pakaian dengan lebih mendalam disepanjang pengkajian saya dalam menyiapkan tesis ini. Sebagai seorang pelajar dalam bidang senireka fesyen sewajarnya saya mengetahui perkembangan semasa mengenai pakaian dalam semua bidang yang ada.

Di samping itu juga saya dapat mendalami tentang turusniaga pakaian yang begitu pesat dan maju. Saya berharap dengan terhasilnya tesis ini akan menjadi pendorong dan membantu sedikit sebanyak para pembaca yang ingin mengetahui tentang perkara ini.

Sekian. Terima Kasih.

Mohd Badrul bin Che Ngah  
Jabatan Senireka Fesyen,  
Kajian Senilukis Dan Senireka,  
I.T.M. Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan.

Penghargaan:-

Ucapan syukur saya kehadirat Allah S.W.T. kerana telah memerihara kesihatan dan semangat saya untuk menyiapkan tesis ini yang bertajuk;

" Fesyen, Mutu, Pasaran dan Pengaruh Pakaian Import ( Thailand ) di Negeri Kelantan Darul Naim ".

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah turut sama terlibat dalam memberi tunjuk ajar dan kerjasama kepada saya dalam membuat penyelidikan tesis ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada para pengsyarah khususnya pengsyarah penasihat saya iaitu Cik Kalsom binti Muda yang telah memberi perhatian yang sepenuhnya didalam penyelidikan saya menyiapkan tesis ini.

Ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberi kerjasama:

- Para peniaga di Baazar Buluh Kubu, Kota Bharu, Kelantan.
- Para peniaga di Pasar Lama, Kota Bharu, Kelantan.

Sinopsis.

Perkembangan Industri pakaian dinegara kita Malaysia sememangnya tidak dapat dinafikan. Perkembangan yang pesat ini wujud atas permintaan masyarakat yang kian peka terhadap perkembangan fesyen masa kini. Walaupun begitu pengeluar-pengeluar pakaian dalam negara kita masih tidak mampu menampung permintaan dan keperluan pakaian didalam negeri sendiri. Disebabkan oleh faktor ini negara kita sendiri terpaksa mengimport pakaian dari luar negeri untuk keperluan semasa.

Tujuan saya memilih tajuk ini adalah untuk mengkaji Fesyen, Mutu, Pasaran dan Pengaruh pakaian import dari Thailand dalam negeri Kelantan. Pengkajian ini adalah untuk membuat andaian berkaitan pakaian ini dengan pakaian buatan negeri kita sendiri. Tujuannya adalah untuk mendapat satu kesimpulan tentang pemakaian masyarakat dinegeri Kelantan dan bagaimana mereka memilih satu-satu pakaian. Pengkajian ini juga dapat memberi manfaat terhadap perindustrian pakaian dinegara kita sendiri bila dilihat dalam bentuk pasaran, mutu, fesyen dan pengaruh tempatan sendiri.